

**DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
DALAM NEGERI MELAKA**

XXXXXX

Dengan

XXXXXX

**Mahkamah Tinggi Syariah Melaka
(YAA Datuk Mahammad bin Ibrahim)**

**Ketua Hakim Syarie Melaka
(17 September 2008 bersamaan 17 Ramadhan 1429)**

Kes Mal: 04100-012-0086-2008

**Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002
Seksyen 7(1), (a), (b), (c)**

**Sesuatu perkahwinan hendaklah mempunyai wali di hadapan
Pendaftar,**

**Wakil Wali di hadapan dan dengan kebenaran Pendaftar serta
Pendaftar sebagai wakil wali.**

Lafaz Sumpah (Al-Muddaa'ii) Bersama Seorang Saksi

FAKTA KES

1. Kedua-dua pemohon telah bermastautin di Melaka sebelum pernikahan berlangsung dan berterusan sehingga permohonan ini difailkan di No. 1 Jalan TTP 2, Taman Tambak Paya Permai, 75460 Air Molek, Melaka.
2. Mereka mengambil keputusan untuk berkahwin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana pemohon 1 yang telah beristeri

tidak mahu sampai ke pengetahuan isteri pertama. Pemohon 1 melalui keterangan yang diberikan merupakan seorang lelaki yang berkemampuan dari segi kesihatan dan kewangan sebagai kontraktor dengan berpendapatan RM9,000.00 sebulan.

3. Pemohon 2 adalah tidak pernah melangsungkan perkahwinan sebelum ini. Pada 16 September, 2000 pada waktu lebih kurang 10.00 ke 11.00 pagi, mereka telah bernikah di sebuah rumah kedai dua (2) tingkat yang terletak di dalam daerah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selepas seminggu pernikahan pemohon-pemohon dikirimkan salinan Sijil Nikah yang ditandakan sebagai Ekshibit P1.

Di tempat pernikahan telah tersedia seorang jurunikah serta dua (2) orang saksi lelaki yang tidak dikenali tetapi tidak diragui perawakan dan perwatakannya.

4. Pernikahan telah diwalikan oleh Saksi Pertama dengan mas kahwin berjumlah RM80 tunai. Kedua-dua Pemohon, wali serta saksi ke-2 hadir di tempat berlakunya pernikahan.
5. Selama tempoh perkahwinan selama 5 tahun kedua-dua pasangan tidak mempunyai syak terhadap perkahwinan. Malah di dalam tempoh perkahwinan tersebut mereka telah mempunyai tiga orang anak. Mereka tidak menghadapi masalah untuk mendaftarkan Sijil Kelahiran anak-anak menggunakan Sijil Nikah tersebut. Pemohon 1 & 2 mula

menyedari kepalsuan Sijil Nikah tersebut setelah berdepan dengan masalah untuk mendaftarkan Sijil Kelahiran untuk anak keempat iaitu pada tahun 2005. Pemohon 1 & 2 kemudiannya telah membuat permohonan kepada Mahkamah ini untuk mendapatkan satu perintah agar pernikahan pemohon 1 & 2 di iktiraf dan didaftarkan di bawah Undang-Undang Keluarga Islam Melaka.

Diputuskan:

1. Mahkamah sabit dan sahkan bahawa pernikahan yang dilangsungkan di salah satu tempat di Kuala Lumpur pada 16 September 2000 di antara pemohon 1 XXXXXX dengan pasangan XXXXXX adalah sah mengikut Hukum Syarak
2. Mahkamah perintahkan Jabatan Agama Islam Negeri Melaka hendaklah mendaftarkan perkahwinan mereka mengikut enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002.

Kitab-kitab Dirujuk:

1. كفاية الاخيار Karangan al-Imam Taqiuddin al-Dimaysiqiy
2. "البيان في مذهب الشافعي" Karangan al-Imam Yahya ibnu Abi al-Khair al-Imraniy

3. " الوكالة في الشريعة والقانون " Karangan Prof Dr. Muhammad Redha al-Jabbar
4. مشكاة المصابيح في شرح العدة والسلاح في أحكام النكاح karangan al-Syeikh Muhammad Ibnu Ahmad Ba Fadhal al-Khadramiy

ALASAN PENGHAKIMAN YAA DATUK MAHAMAD BIN IBRAHIM

6. Di dalam keterangan pemohon 1 dan 2, mereka menyatakan bahawa mereka telah pergi ke sebuah tempat iaitu di sebuah rumah kedai 2 tingkat yang terletak di dalam daerah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tujuan mereka pergi ke tempat tersebut adalah semata-mata untuk bernikah satu lagi dengan pemohon ke-2. Pemohon 1 telah mempunyai isteri dan anak-anak, manakala pemohon ke-2 juga telah membawa wali iaitu bapanya sendiri supaya mereka dapat berkahwin dengan berwalikan bapanya. Sebelum mereka di akad nikahkan oleh seorang Imam yang tidak dikenali, bapanya telah memberikan keizinan untuk mewakilkan wali kepada Imam tersebut untuk mengakad nikahkan mereka. Setelah wali kepada pemohon 2 telah memberi wakil wali kepada Imam tersebut maka Tuan Imam tersebut telah mengakadkan mereka dengan katanya "Aku nikahkan engkau XXXXXX dengan XXXXXX dengan berwakil wali akan daku dengan mas kahwin RM80.00 tunai.

7. Pihak pengantin lelaki iaitu pemohon 1 telah menjawab dengan katanya "Aku terima nikahnya XXXXXX dengan mas kahwin RM80.00 tunai. Pemohon 2 yang terdiri daripada pengantin perempuan telah menerima mas kahwin RM80,00 daripada pengantin lelaki iaitu pemohon 2.

Mengikut keterangan mereka bahawa 2 orang saksi yang terdiri daripada orang Imam tersebut telah menyaksikan pernikahan tersebut iaitu XXXXXX dan XXXXXX.

8. Peguam Pihak pemohon 1 dan 2 telah memanggil ayah kepada pengantin perempuan menjadi saksi pernikahan mereka. Mengikut saksi 1 (Ayah kepada pengantin perempuan) telah melihat dan menyaksikan majlis upacara akad nikah tersebut. Saksi tersebut telah menyatakan bahawa beliau dengar perkataan ijab dan kabul daripada pengantin lelaki (pemohon 2) seperti lafaz di atas serta menyaksikan bahawa 2 orang saksi lelaki yang telah berada di majlis akad nikah tersebut dan mereka mengesahkan nikah tersebut.

9. Pihak pemohon 1 & 2 telah memanggil saksi kedua yang terdiri daripada adik perempuan kepada pengantin perempuan (pemohon 2). Saksi tersebut telah memberikan keterangan bahawa semasa upacara nikah tersebut dijalankan bahawa dia ada menyaksikan sendiri upacara akad nikah tersebut.

10. Mahkamah berpendapat bahawa wali kepada pengantin perempuan boleh dijadikan saksi pernikahan tersebut kerana ia telah menyaksikan dan mendengar sendiri perkataan ijab dan kabul yang telah di lafaz oleh pemohon. Mahkamah mendapati dua orang saksi yang telah ada di majlis tersebut tetapi tidak dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah ini. Ini bermakna wali tersebut hanya menjadi saksi kepada majlis akad nikah tersebut yang mana tidak boleh mengikut dalam Kitab Kitayatul Akyar. Apabila wali itu mewakilkan kepada juru nikah untuk menikahkan anaknya kemudian dia menjadi saksi utama kepada pernikahan tersebut, maka menurut kitab tersebut pernikahan tersebut tidak sah.
11. Mahkamah berpendapat sudah ada satu saksi lelaki yang menjadi saksi kepada pernikahan tersebut iaitu bapa kepada pengantin perempuan telah menyaksikan pernikahan tersebut serta menyaksikan bahawa dua orang saksi telah berada semasa akad nikah tersebut dan kedua-dua saksi tersebut telah menyaksikan dan mengesahkan nikah tersebut dan beliau mendengar dengan jelas perkataan yang diucapkan oleh Tuan Imam serta pengantin lelaki. Di dalam keterangannya ia mengakui bahawa dua orang saksi lelaki telah berada di majlis tersebut dan mereka dikatakan sebagai dua saksi nikah di pihak Tuan Imam tersebut.

12. Persoalan sekarang ini kenapakah saksi-saksi tersebut telah tidak di panggil untuk memberi keterangan di dalam Mahkamah ini bagi menyokong keterangan pemohon 1 dan 2.
13. Oleh sebab saksi bapa boleh dianggap sebagai saksi yang menjadi saksi di dalam majlis akad nikah tersebut, Mahkamah boleh menerima tetapi berpendapat eloklah satu saksi lelaki lagi memberi keterangan menguatkan keterangan sokongan.
14. Di dalam keterangan tersebut timbul beberapa persoalan mengenai akad nikah tersebut. Adakah akad nikah tersebut telah memenuhi kehendak rukun-rukun dan syarat-syarat sah nikah tersebut. Untuk itu saya akan merujuk kepada hukum syarak.

15. Diantara kitab yang dirujuk ialah " تنوير القلوب في معاملة علام الغيوب "

Karangan as-syeikh Muhammad Amin al-Kurdiy hlm 312 'didalam kitabnya ada menyebut bahawa tentang rukun nikah iaitu:

Rukun Nikah ada lima rukun:

- 1) Suami

Disyaratkan bahawa adalah ia

- Beragama islam
- Bukan mahramnya
- Ikhtiar suami bukan dasar paksaan
- Mengetahui nama isteri, nasabnya, diri tubuh isteri

- Seorang lelaki tulen

2) Isteri

Disyaratkan bahawa adalah ia:

- Bahawa ia bukan mahram kepada suami
- Bahawa perempuan tersebut tertentu
- Sunyi daripada Iddah
- Bukan isteri orang
- Perempuan yang asli
- Islam atau ahli kitab yang diiktiraf oleh syara'

3) Wali

Disyaratkan bahawa adalah ia:

- Seorang yang Islam
- Tidak fasiq
- Atas kerelaan sendiri menjadi wali bukan paksaan
- Baligh
- Berakal
- Merdeka bukan seorang hamba abdi
- Seorang lelaki yang tulen
- Tidak dalam keadaan ihram

4) Dua orang saksi

Disyaratkan bahawa adalah ia:-

- Islam
- Baligh
- Berakal
- Lelaki
- Mendengar
- Melihat
- Boleh bertutur
- Mengetahui bahasa lelaki (suami) dan wali nikah
- Seorang yang adil

5) Sighah

Disyaratkan bahawa adalah ia:

- Ijab iaitu berkata wali (Aku nikahkan dikau atau aku kahwinkan dikau.....)
- Qabul iaitu berkata suami (Aku terima nikahnya.....)

16. Di dalam keterangan pemohon 1 dan 2 ada menyatakan bahawa wali kepada pengantin perempuan telah mewakilkan kepada Tuan Imam untuk menikahkan anaknya. Persoalan sekarang timbul, adakah boleh atau tidak seorang wali mewakilkan kepada orang lain untuk menikahkan anaknya sendiri sedangkan dia berkemampuan melakukan akad nikah tersebut.

17. Mengikut seksyen 7(1) Enakmen Keluarga Islam Negeri Melaka 2002 telah menyatakan bahawa

“7(1) – Sesuatu perkahwinan di Negeri Melaka hendaklah mengikut peruntukan Enakmen ini dan hendaklah diakad nikahkan mengikut Hukum Syarak oleh:-

- (a) Wali di hadapan Pendaftar
- (b) Wakil wali di hadapan dan dengan kebenaran Pendaftar
- (c) Pendaftar sebagai wakil wali

Berdasarkan kepada Enakmen tersebut saya dapati bahawa pemohon 1 dan 2 tidak mengikut peruntukan tersebut malah pernikahan tersebut berlaku di luar daripada Melaka.

18. Merujuk di dalam kitab:

”مشكاة المصابيح في شرح العدة والسلاح في أحكام النكاح

karangan al-Syeikh Muhammad Ibnu Ahmad Ba Fadhal al-Khadramiy, hlm 169, cetakan Dar Ibnu Hazam Beirut Lebanon, ada menyebut:

وللأب والجد المجبرين التوكيل في تزويج البكر بغير إذنهما ، إن كانت بالغة

Wali Mujbir iaitu (Bapa dan Datuk) boleh mewakili wali kepada sesiapa yang layak pada menikahkan anak daranya yang sudah baligh tanpa perlu mendapat keizinan daripada anaknya itu.

Jika dilihat pada nas di atas jelas menunjukkan bahawa harus bagi wali mewakili kepada orang lain untuk mengakad nikahkan anaknya.

Tetapi timbul persoalan, apakah dia kriteria wakil wali yang membolehkan pernikahan tersebut.

19. Di dalam kitab „مشكاة المصابيح في شرح العدة والسلاح في أحكام النكاح“ karangan al-Syeikh Muhammad Ibnu Ahmad Ba Fadhal al-Khadramiy, hlm 171, cetakan Dar Ibnu Hazam Beirut Lebanon, menyebut:

شرط الوكيل عن الولي أن يصح كونه وليا في النكاح ، لأنه قائم مقامه

Ertinya: "Syarat wakil daripada wali ialah wakil itu seorang yang layak menjadi wali pada mengakadkan nikah, ini adalah disebabkan wakil tersebut sebagai ganti tempat wali "

20. Apakah syarat-syarat wakil wali tersebut:

Menurut di dalam kitab “الوكالة في الشريعة والقانون”
karangan Prof Dr. Muhammad Redha al-Jabbar, hlm118-126 ada
menghuraikan syarat wakil seperti berikut :

1. أن تكون له أهلية مباشرة التصرف الذي يوكل فيه

Hendak wakil itu seorang yang ahliah Tasarruf (berkuasa melakukannya)
akan perkara yang diwakilkan kepadanya, ciri-ciri seorang yang ahliah
tasrruf ialah:

- العقل Berakal
- البلوغ Baligh
- الرشd Cerdik
- الذكورة – لا يجوز للمرأة أن تكون وكيلة في نكاح غيرها لأنها لا تملك ذلك

Lelaki , maka tidak sah seorang perempuan menjadi wakil pada menikahkan
orang lain, ini adalah kerana ia tidak ada kuasa melakukan sedemikian rupa

- عدم الإكراه Bukan paksaan
- عدم السكر Tidak mabuk
- عدم الهزل Tidak dalam keadaan bergurau

2. تعيين الوكيل
Wakil itu hendaklah ditentukan

3. علم الوكيل بالوكالة

Ada pengetahuan wakil itu tentang wakalah

4. الإسلام

Wakil itu hendaklah beragama Islam

5. العدالة : اشترط الشافعية عدالة الوكيل إذا كان وكيلًا في إيجاب النكاح

Bersifat adil: Ulama as-Syafeiyyah telah mensyaratkan bahawa wakil pada mengijabkan akad nikah mestilah seorang yang adil

21. Jika ditinjau dari satu sudut, maka perkahwinan yang di langsung tidak sah kerana wakil walinya tidak memenuhi syarat-syarat wali menurut hukum syarak. Walaupun demikian Mahkamah akan merujuk pandangan beberapa ulama tentang permasalahan wali fasiq, adalah sah pernikahan yang dilaksanakan oleh wali yang fasiq.

Mengikut kitab "كفاية الاخيار" karangan al-Imam Taqiyuddin al-Dimaysiqiy, halaman 447, ada memperjelaskan masalah ini seperti katanya:

واعلم ان الرافعي : ان أكثر المتأخرين أفتي بان الفاسق يلي

Kata Imam al-Rafiei: Sesungguhnya ulama **التأخرين** berfatwa bahawa wali fasiq boleh menjadi wali.

قال: لا سيما الخر اسانيون

Kata beliau lagi: Pandangan ini dilakukan oleh kebanyakan ulama Khurasan.

واختاره الامام الغزالي والامام النووي والامام الروياني

Pandangan ini juga telah dipilih oleh Imam al-Ghazali, Imam an-Nawawi dan juga Imam al-Ruyaniy.

23. Berdasarkan pandangan Fuqaha' tersebut Mahkamah mengambil pendirian bahawa wali yang menikahkan pihak pemohon dalam kes ini boleh diterima.

Setelah saya menyelidik rukun-rukun nikah dan syarat sah nikah saya berpendapat bahawa pernikahan yang mereka langsungkan di dalam daerah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur seolah-olah sah mengikut Hukum Syarak. Akan tetapi timbul beberapa persoalan dan keraguan mengenai wakil wali yang telah diwakilkan terhadap pernikahan tersebut.

24. Ini jelas daripada kes tersebut saya dapati pihak Imam tersebut telah berdusta, menipu dengan mengeluarkan surat nikah yang nyata adalah palsu. Lebih lebih lagi ia telah menggunakan tipu helahnya dengan mengambil borang JAWI 3 di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan) 1984 Seksyen 26 di taip dan di

tandatanganinya oleh Pendaftar Nikah Cerai dan rujuk dengan dinyatakan sekali No. Rujukan iaitu 046061.

25. Apabila saya selidik saya dapati bahawa no rujukan tersebut, bilangan serta pengantin lelaki dan perempuan tidak sama dengan nombor bilangan pengantin lelaki dan perempuan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
26. Pada pendapat saya ini menunjukkan bahawa tuan Imam tersebut adalah seorang yang bersifat pendusta dan berbohong dan penipu. Maka persoalannya adakah sifat ini layak menjadi Imam apatah menjadi Wakil wali untuk menikahkan pasangan tersebut.
27. Timbul persoalan di sini bahawa untuk menentukan wakil wali itu Fasiq atau tidak, semasa melangsungkan akad nikah tersebut, maka saya berpendapat bahawa status wali atau wakil wali sama ada fasiq atau tidak, maka ia hendaklah ditentukan di hari dan waktu di mana dilangsungkan perkahwinan tersebut, bukan ditentukan di hari yang lain. Tambahan pula pihak-pihak pemohon 1 & 2 serta wali tidak mempertikaikan status wali tersebut sama ada fasih atau tidak, maka Mahkamah berpendapat oleh sebab tidak ditentukan ke fasiqkan wali dan wakil wali di hari pernikahan tersebut serta tidak ada pihak-pihak yang mempertikaikan akad nikah tersebut, maka Mahkamah menganggap ia sebagai satu tindakan yang sah.

28. Ini bermakna, jika bukan Mahkamah yang menyelesaikan permasalahan yang dihadapinya, siapakah yang boleh membantunya dan bagaimana tentang nasib anak-anak yang telah dilahirkan angkara perbuatan bapa yang telah memilih jalan singkat. Saya amat prihatin tentang masalah ini kerana ia membabitkan nasab dan keturunan.
29. Saya berpendapat dalam kes ini pihak pemohon perlu mengukuhkan dakwaannya dengan berpandukan hukum-hukum syarak yang telah sebut oleh para fuqaha di dalam kitab-kitab mereka. Ini adalah kerana saya dapati pemohon 1 & 2 hanya membawa seorang saksi lelaki dan seorang saksi perempuan, maka pada pendapat saya adalah tidak kuat untuk mensabitkan pernikahan tersebut.

Justeru itu saya cuba merujuk kepada beberapa rujukan syarak yang boleh merungkaikan kekusutan masalah ini di antaranya:-

30. Di dalam kitab "البيان في مذهب الشافعي" karangan al-Imam Yahya Ibnu Abi al-Khair al-Imraniy, jilid 13 halaman 313 ada menyebut:

Menurut pandangan Sayidina Abu,Bakar R.A. Sayidina Umar R.A Sayidina Usman, Sayidina Ali R.A, Ubaiy bin Ka'ab, Umar Ibnu Al-Aziz, Abu Salamah Ibnu Abdul Rahman, Al-Sa'biy, Syuraih, Fuqaha' Madinah, Rabi'ah, Malik, Ahmad, Ishak ialah:-

“Tiap-tiap hak (kes-kes Mal) boleh disabit dengan seorang saksi lelaki dan dua orang perempuan dan boleh disabitkan juga dengan seorang saksi lelaki dan sumpah plaintiff”.

Pendapat ini berdasarkan:-

1. Hadis Nabi s.a.w yang diriwayatkan daripada Abdullah Abbas r.a.h. katanya:

ان رسول الله (ص) "قضي بشاهد ويمين" قال عمرو : وكان ذلك في الاموال

Sesungguhnya Baginda Rasulullah s.a.w telah mensabitkan hukum dengan seorang saksi lelaki dan sumpah.

Riwayat Imam al-Baihaqi:

Kata Amru bin Dinar: Hukum ini diharuskan di dalam kes-kes mal sahaja.

2. Diriwayatkan daripada Saidini Ali r.a. katanya:

ان النبي صلى الله عليه وسلم قضى بشهادة اشاهد الواحد مع يمين صاحب الحق

Ertinya: Sesungguhnya Nabi s.a.w telah mensabitkan hukum dengan seorang saksi lelaki berserta sumpah syarie صاحب الحق

Riwayat Imam al-Tirmizi:

3. Diriwayatkan daripada Jabir r.a katanya:-

ان النبي صلى الله عليه وسلم قال: اتاني جبريل عليه السلام فأمرني: أن أقضي باليمين مع الشاهد

Ertinya: Adalah Baginda Rasulullah s.a.w bersabda: "Telah datang Jibril عليه السلام kepada dan menyuruh aku berhukum dengan sumpah syarie berserta seorang saksi lelaki.

Riwayat Imam al-Baihaqi:

4. Diriwayatkan daripada Jaafar bin Muhamad daripada bapanya daripada saidina Ali r.a.h:

ان رسول الله (ص) و أبا بكر وعثمان كانوا يقضون بالشاهد الواحد ويمين المدعي

Ertinya: Sesungguhnya adalah Baginda Rasulullah s.a.w, Saidina Abu Bakar dan Saidina Usman berhukum dengan seorang saksi lelaki dan sumpah Plaintiff.

Merujuk di dalam kitab "البيان في مذهب الشافعي" karangan al-Imam Yahya ibnu Abi al-Khair al-Imraniy, jilid 13, him 314 ada menyebut:

قال المسعودي : وكيفية اليمين مع الشاهد: أن يحلف المدعي أن شاهده لصادق؛

وأنه لمحق

Ertinya: Kata Imam al-Mas'uudi: "Cara sumpah syarie pihak plaintiff ialah pihak plaintiff hendaklah bersumpah bahawa saksi lelaki yang dibawa ke Mahkamah adalah benar dan dakwaannya adalah benar".

Berdasarkan dalil-dalil di atas, maka mahkamah berpendapat bahawa pemohon hendaklah melafazkan Sumpah al-Muddaa'ii Bersama Seorang Saksi (Amalan 8(2) (b)).

Sumpahnya adalah seperti berikut:-

Wallahi, Wabillahi, Watallahi, demi Allah aku XXXXXX bersumpah dengan nama Allah bahawanya tuntutan aku berhubung dengan Pernikahan Aku dengan XXXXXX dan Keterangan seorang saksi aku adalah benar dan jika aku berdusta pada sumpah aku nescaya di murkai Allah dan azabNya di atas aku dunia dan akhirat.

Bertarikh pada hari bulan tahun

Tandatangan Orang Yang Bersumpah

Di hadapan

(Tandatangan Hakim)

KEPUTUSAN

Di atas keterangan yang diberikan oleh pemohon dan saksi-saksi pemohon serta sumpah muddaa'ii yang telah dilafazkan oleh pemohon maka, saya

berpuashati bahawa perkahwinan yang mereka langsungkan itu telah memenuhi dan menepati kehendak Hukum Syarak. Dengan ini Mahkamah memutuskan seperti berikut:

1. Mahkamah sabit dan sahkan bahawa pernikahan yang dilangsungkan di salah satu tempat di Kuala Lumpur pada 16 September 2000 di antara pemohon 1 XXXXXX dengan pasangan XXXXXX adalah sah mengikut Hukum Syarak
2. Mahkamah perintahkan Jabatan Agama Islam Negeri Melaka hendaklah mendaftarkan perkahwinan mereka mengikut enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002.